



Dapatan teknikal dijangka dibentang Isnin ini

Oleh **Muhammad Yusri Muzamir** - Mac 12, 2022 @ 4:18pm

yusri.muzamir@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sebarang bentuk tindakan lanjut membabitkan insiden tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini, dijangka dimuktamadkan Isnin ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Hulu Langat, Dr Ani Ahmad, berkata bentuk tindakan lanjut itu akan diputuskan berdasarkan hasil dapatan kajian teknikal di lokasi kejadian oleh pihak berkuasa.

"Pihak teknikal yang ada kepakaran dan kuasa seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) ada membuat kajian di lapangan sehingga Isnin ini.

"Mereka akan memberi laporan terperinci berhubung kejadian Isnin petang dan jawatankuasa akan membincangkannya selepas itu," katanya kepada BH, hari ini.

Insiden tanah runtuh di Jalan Teratai 1/2J, Taman Bukit Permai 2, Ampang, petang kelmarin meragut empat nyawa, manakala seorang lagi cedera.

Selain itu, 15 rumah teres dua tingkat dan 10 kendaraan terjejas dengan dua kediaman tertimbas sepenuhnya.

Rentetan itu, lebih 200 penghuni di 48 rumah di situ, diarah mengosongkan kediaman untuk memberi ruang kepada pihak berkuasa membuat kajian terperinci.

Mengenai laporan terdapat pergerakan tanah pada jarak empat kilometer (km) dari kawasan runtuhan, Ani berkata, pihaknya tidak menerima sebarang makluman berkaitan perkara terbabit.

"(Pergerakan tanah) mungkin terjadi kerana ia (kejadian tanah runtuh) baru berlaku, jadi ada lagi tanah yang meluruh tetapi keamatannya mungkin tidak besar. Namun saya tak boleh ulas lanjut berhubung keseriusan pergerakan sehingga pihak berautoriti selesai membuat kajian.

"Sebab itu kita minta penduduk di lokasi kejadian, terutama empat barisan paling hampir dengan runtuhan mengosongkan rumah mereka kerana risiko di situ sangat tinggi.

"Kita juga mempertimbang untuk mengarahkan penduduk di Taman Bukit Permai 1 untuk mengosongkan rumah masing-masing, namun keputusan mengenainya akan dibuat selepas laporan teknikal dibentangkan," katanya.

Mengulas lanjut, Ani yang juga Pegawai Daerah Hulu Langat berkata, pihaknya akan memanggil pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Nor Shahidah Mohd Nazer untuk membantu siasatan kejadian terbabit.

Katanya, ia susulan kenyataan Nor Shahidah yang juga Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar UKM itu berhubung kemungkinan berlaku eksploitasi tanah di sekitar Ampang.

"Kita mahu meneliti sama ada keadaan berkenaan berlaku di Taman Bukit Permai 2 atau di kawasan lain di Ampang, selain pihak jawatankuasa tidak menerima sebarang pernyataan rasmi berhubung perkara ini daripada beliau," katanya.



Keadaan kenderaan milik penduduk rosak teruk selepas kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 Ampang, petang kelmarin. - BERNAMA



Kawasan Ampang memang diketahui sejak dahulu adalah kawasan yang sangat cenderung berlakunya kegagalan tanah kerana terdapatnya elemen eksplotasi terhadap tanah, pakar.

[SEP]- foto BERNAMA

Menyuarkan perkara sama, Ketua Program Bencana Geologi, Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI-UKM), Dr Lim Choun Sian, berkata pengetahuan, persediaan dan tahap kepekaan rakyat Malaysia terhadap bencana alam masih rendah khususnya berkaitan banjir, tanah runtuh termasuk gempa bumi kerana tidak banyak pendedahan dan latihan amal yang diberikan.

"Yang selalu kita buat ialah latihan kebakaran, dari sekolah hingga bekerja latihan ini yang didedahkan kepada kita... Contoh negara Indonesia, Filipina, Jepun dan negara jiran yang lain memang bersedia cuma Malaysia rakyatnya agak 'relax' sebab kita tidak tahu sesuatu perkara itu boleh memudaratkan atau membahayakan diri kita.

Beliau berkata ia sehingga ada juga kes apabila berlakunya banjir, penduduk diarahkan berpindah oleh pihak berkuasa tetapi mereka enggan berbuat demikian justeru kerajaan perlu memainkan peranan dengan memberi pendidikan serta pendedahan mengenai langkah awal dalam menghadapi bencana alam. – BERNAMA